

**Krisis Di Ukraine Tidak Jejas Pemulihan Ekonomi Dunia, Kata Penganalisis Bernama**  
**22 Mac, 2014**  
**Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah**

SINGAPURA, 22 Mac (Bernama) -- Krisis di Ukraine yang telah mewujudkan persekitaran berisiko dijangka tidak akan menjejaskan pemulihan ekonomi Eropah atau global serta pasaran saham.

Ketua Strategi Pelaburan dan Ketua Ahli Ekonomi AMP Capital Investors Ltd Dr Shane Oliver berkata keganasan etnik di timur Ukraine masih boleh membawa kepada perang saudara dan campur tangan Rusia atas dasar "melindungi warga Rusia", telah menimbulkan risiko yang serius.

"Selain itu, sekatan yang lebih besar dari Amerika Syarikat dan Eropah dan juga bagaimana hasil pilihan raya Ukraine pada Mei.

Tetapi saya berpendapat krisis di Ukraine adalah hanya gangguan lain. Ia tidak akan menjejaskan pemulihan ekonomi Eropah atau global mahupun pasaran saham yang kini memberangsangkan," kata beliau dalam maklumat terkini pasaran mingguan dan ekonomi.

Beliau berkata minggu lepas menyaksikan kebimbangan mengenai Ukraine semakin pudar tetapi Rizab Persekutuan AS akan menaikkan kadar lebih awal daripada yang dijangkakan mendapat perhatian.

"Ini menyaksikan kadar hasil bon meningkat lebih tinggi tetapi walaupun beberapa timbul kebimbangan, kebanyakan pasaran ekuiti naik dibantu oleh gabungan kelegaan isu Ukraine, data ekonomi yang lebih baik dan perjanjian Eropah mengenai kesatuan perbankan,"katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1023994>